

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans M&E 365

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Pemberitahuan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Polisi Insurans Harta Semua Risiko. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan perlindungan bagi mesin dan / atau peralatan anda daripada kerugian atau kerosakan akibat kemalangan atau kecelakaan semasa mesin dan / atau peralatan disimpan dan / atau digunakan dalam lingkungan kawasan risiko tersebut.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi mesin dan / atau peralatan atau mana-mana bahagian peralatan mesin anda daripada kerugian atau kerosakan akibat kemalangan atau kecelakaan yang lain melainkan secara khususnya dikecualikan dalam polisi tersebut.

Polisi ini juga mempunyai manfaat tambahan seperti berikut:

- Perbelanjaan Segera
- Faedah Kesulitan akibat Kebakaran dan/atau Banjir
- Kos Membaikpulih dan Perlindungan Sementara

Tempoh perlindungan ialah setahun. Anda perlu memperbaharui polisi secara tahunan.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar adalah berbeza bergantung kepada jumlah yang diinsuranskan ke atas mesin dan / atau peralatan, pendedahan pada risiko dan keperluan pengunderaitan oleh pihak AmGeneral Insurans Berhad:

- Jumlah Dinsuranskan : RM _____
- Kadar dikenakan : _____ %

Jumlah premium anggaran yang anda perlu bayar ialah : RM _____

Polisi ini tertakluk kepada bayaran premium minimum sebanyak RM100.00

4. Apakah yuran dan/atau caj lain yang saya perlu bayar?

Yuran dan/atau caj yang anda perlu bayar adalah:

Cukai Perkhidmatan	6% daripada premium
Duti Setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan seorang pengantara	25% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

• Kepentingan Pendedahan

• Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans ini sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggungjawab mengambil langkah-langkah munasabah supaya tidak membuat kenyataan bercanggah semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan yang dikehendaki oleh Syarikat dengan penuh dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai; jika tidak, ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

• Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggungjawab untuk memberitahu segala perkara yang berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang bakal

digunapakai dan apa-apa perkara yang seseorang yang munasabah dalam keadaan ini boleh dijangka untuk tahu adalah berkaitan; jika tidak, ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Tanggungjawab pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai tanggungjawab memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

- Anda dikehendaki memaklumkan ejen insurans anda atau pihak kami dengan memberi notis bertulis tentang sebarang perubahan penting sepanjang tempoh perlindungan polisi untuk memastikan pindaan-pindaan yang wajar diendorskan pada polisi anda.
- Anda harus mengambil segala langkah pencegahan yang munasabah untuk menjaga keselamatan harta benda yang diinsuranskan serta mengekalkan tahap perlindungan sedia ada.
- Ekses ialah jumlah yang harus anda tanggung sebelum kami memberi anda gantirugi.
- Anda harus memastikan jumlah yang diinsuranskan adalah mencukupi jika tidak, syarat purata akan dikenakan pada amaun insurans berkurangan pada masa kerugian. Anda dianggap menginsuranskan sendiri perbezaan tersebut.
- Insurans ini tertakluk kepada waranti premium 60 hari, iaitu premium dijangka mesti dibayar dan diterima oleh pihak kami dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh polisi berkuat kuasa; kegagalan akan membatalkan polisi ini secara automatik dan kami berhak mendapat pro rata sepanjang tempoh kami menanggung risiko.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Kehausan dan kelusuhan, susutnilai, kemorosotan secara beransur, kulapuk, gegat, haiwan perosak atau kerosakan berpunca daripada apa-apa proses pembersihan, pencelupan, pembaikan, pemulihan atau pengubahsuaian
- Kerosakan atau gangguan mekanikal atau elektrik
- Peperangan dan risiko yang berkaitan
- Apa-apa tindakan keganasan

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian yang terkandung di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini dan apakah caranya untuk membatalkan?

Anda boleh batalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada pihak kami. Sebaik pembatalan, anda berhak menerima pulangan bayaran premium berdasarkan 'Jadual Kadar Jangka Pendek' untuk tempoh polisi yang telah berkuat kuasa, tertakluk kepada premium minimum yang disimpan oleh kami.

*Jadual Kadar Jangka Pendek

15 hari	90
1 bulan	80
2 bulan	70
3 bulan	60
4 bulan	50
5 bulan	40
6 bulan	30
7 bulan	25
8 bulan	20
9 bulan	15
10 bulan	10
11 bulan	5

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan kepada butiran hubungan saya?

Adalah penting anda memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmGeneral Insurance Berhad

Menara Shell,
No. 211, Jalan Tun Sambanthan,
50470, Kuala Lumpur,
Malaysia

Tol Bebas : 1-800-88-6333

E-mel : customer@kurnia.com

Laman web : www.kurnia.com

10. Jenis perlindungan Insurans Am lain yang sedia ada:

Sila hubungi kami atau mana-mana cawangan kami atau anda boleh melawati www.kurnia.com

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA AMAUN YANG BERPATUTAN. ANDA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI KAMI TERUS UNTUK KETERANGAN LANJUT.

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.